

Status bank teras kepada Bank Utama ditimbang

UM 20 JUL 2001
KUALA LUMPUR 27 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedia mempertimbangkan pemberian status bank teras kepada Kumpulan Bank Utama.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kumpulan perbankan tersebut perlu terlebih dahulu mematuhi syarat-syarat yang digariskan.

“Jika mereka layak, kita (kerajaan) sedia timbangkannya,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini. Beliau diminta mengulas langkah Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) menerima tawaran daripada Bank Utama untuk membeli 22.7 peratus kepentingan MRCB dalam Rashid Hussain Bhd. (RHB).

Tawaran itu dipersetujui pada harga RM3.80 sesaham atau dengan jumlah RM399.483 juta secara tunai.

RHB ialah syarikat induk kepada RHB Bank, salah satu daripada 10 bank teras yang diluluskan oleh kerajaan.

Penganalisis melihat perkembangan itu menjurus kepada penggabungan unit-unit perbankan dalam Bank Utama dan RHB Bank.

Dr. Mahathir juga tidak menolak kemungkinan Bank Utama, sebuah bank yang berpangkalan di Sarawak, akan mengambil alih status bank teras itu daripada RHB Bank.

“Segalanya berkemungkinan,” katanya ketika ditanya tentang perkara itu.

Bank Utama dalam kenyataannya kepada Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berkata, pengambilalihan kepentingan itu akan membentuk sebahagian daripada cadangan skim penggabungan unit-unit perbankan Bank Utama dan RHB.